


Berita Harian November 2018

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Khamis 1 November 2018	DoJ rancang fail pelbagai dakwaan isu 1MDB	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	3
2.	Khamis 1 November 2018	Stadlen sah terbabit skandal 1MDB - Mohd Shukri	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	4
3.	Sabtu 3 November 2018	Peruntukan RM295 juta ceriakan peneroka FELDA	FELDA	5
4.	Ahad 4 November 2018	RM112.9 juta untuk baiki kuarters polis	Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin	7
5.	Khamis 8 November 2018	PM Singapura sasaran utama siasatan 1MDB adalah palsu	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	9
6.	Ahad 11 November 2018	Eksklusif: Enam didakwa terbabit kes seleweng projek	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	10
7.	Selasa, 13 November 2018	Prosiding 1MDB digantung, siasatan laporan AG diteruskan	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	12
8.	Rabu, 14 November 2018	Bayaran RM30 bilion tak jejas operasi PETRONAS - PM	PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad	15
9.	Rabu, 14 November 2018	GST: Guan Eng beri keterangan kepada PAC	Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC)	16
10.	Khamis, 15 November 2018	Kerani didakwa pecah amanah RM2,250	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	18
11.	Khamis, 15 November 2018	2 pensyarah nafi salah guna kuasa	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	Khamis, 15 November 2018	Ahmad Zahid beri keterangan di SPM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	21
13.	Ahad, 18 November 2018	Jho Low setuju serah semua aset kepada DoJ	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	23
14.	Isnin, 19 November 2018	Maszlee serah isu bantuan susu kepada SPM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
15.	Rabu, 21 November 2018	Kertas Putih FELDA dedah 'kecurangan' serius	Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri	27

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
			Mohamed Azmin Ali	
16.	Rabu, 21 November 2018	Pengurusan baharu 1MDB siasat keterangan bohong juruaudit	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	29
17.	Khamis, 22 November 2018	1MDB: IPIC saman Goldman Sachs	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	31
18.	Khamis, 22 November 2018	Tajuddin dedah pernah tegur Najib isu 1MDB, Jho Low	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	32
19.	Sabtu, 24 November 2018	Tong Kooi Ong dedah beri amaran kepada Najib mengenai 1MDB dan Jho Low	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	34
20.	Ahad, 25 November 2018	Jho Low hadir mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB - Jabatan Audit	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	38
21.	Ahad, 25 November 2018	Arahan pinda laporan audit 1MDB serius - Khairy	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	41
22.	Isnin, 26 November 2018	Ambrin beri keterangan kepada SPRM	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	43
23.	Rabu, 28 November 2018	1MDB: Saya sudah lama tahu pembabitan Goldman Sachs - Tun M	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	45
24.	Khamis, 29 November 2018	1MDB: Pertikaian Mac 2015 mungkin ada asas - Najib	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	47



1. DoJ rancang fail pelbagai dakwaan isu 1MDB

KUALA LUMPUR: Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) merancang untuk memfailkan pelbagai dakwaan jenayah berkaitan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut laporan Wall Street Journal (WSJ), dakwaan itu akan dibuat terhadap dua bekas pegawai bank Goldman Sachs dan ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low.

Laporan yang memetik sumber itu menjelaskan tindakan memfailkan dakwaan bagi kes itu, sekali gus akan menjadi tuduhan jenayah pertama dibuat DoJ.

Agensi berita itu mendakwa bekas rakan Goldman Sachs di Asia, Tim Leissner dijangka mengaku bersalah kerana berkonspirasi untuk mengubah wang haram selain melanggar Akta Amalan Rasuah Asing.

"Dia akan dilucutuhak AS\$43.7 juta (RM182.64 juta)," menurut laporan itu.

WSJ melaporkan bahawa Jho Low yang menjadi dalang di sebalik penyelewengan dana 1MDB dengan kali terakhir dilihat di China turut akan didakwa.

Pendakwa raya AS sebelum ini pernah memfailkan saman aset sivil untuk merampas aset yang didakwa dibeli menggunakan dana dicuri daripada 1MDB.

Bagi memperoleh maklumat lanjut, WSJ cuba untuk menghubungi peguam Leissner namun gagal.

Pada Disember lalu, Peguam Negara AS, Jeff Sessions menyifatkan isu 1MDB ialah 'kleptokrasi paling teruk'.

Ia selepas beliau mendedahkan hampir separuh daripada AS\$3.5 bilion (RM14.18 bilion) yang dirampas negara itu berkaitan tindakan penguatkuasaan ke atas 1MDB.



Khamis 1 November 2018

2. Stadlen sah terbabit skandal 1MDB - Mohd Shukri

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan lelaki warga Britain, Paul Geoffrey Stadlen sebagai antara suspek yang disyaki terbabit skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Pesuruhjaya SPM Datuk Seri Mohd Shukri Abdull, berkata Stadlen adalah individu yang dicari SPM untuk membantu siasatan kes berkenaan.

Beliau berkata ketika ini SPM sedang bekerjasama dengan Jabatan Imigresen bagi mengesan Stadlen di negara ini.

"Setakat ini, SPM masih belum lagi menyenarai hitam Stadlen untuk ke luar negara dan perkara itu kami masih berbincang dengan Jabatan Imigresen," katanya dalam sidang akhbar di majlis konvokesyen ke-7 pegawai integriti bertauliah (CeIO) di sini, hari ini.

Mohd Shukri meminta supaya Stadlen segera tampil memberi keterangan untuk melengkapkan siasatan kes ini.

Stadlen, 39, dikesan beralamat terakhir di Unit A-29-8, Blok a, Loft Sentral Condominium, Jalan Stesen Sentral 5, KL Sentral, Kuala Lumpur. -



NORDIN Yet.

3. Peruntukan RM295 juta ceriakan peneroka FELDA

JERANTUT: Peneroka FELDA bersyukur dengan keprihatinan kerajaan menyediakan peruntukan RM295 juta bagi menaik taraf kemudahan asas di tanah rancangan itu.

Ketua Kampung FELDA Sungai Tekam, Rashid Abas, 60, berkata peruntukan RM160 juta untuk bekalan air bersih, RM100 juta untuk menaik taraf jalan dan RM35 juta untuk membina dan naik taraf bangunan serta projek pemasangan lampu jalan dapat meningkatkan kemakmuran dan keceriaan di rancangan FELDA di seluruh negara.

"Kami berterima kasih dengan peruntukan yang disediakan dalam Belanjawan 2019 kerana ia dapat meningkatkan pengeluaran hasil komoditi itu kerana banyak jalan ladang yang rosak hingga menjelaskan pengeluaran buah kelapa sawit," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Bagaimanapun, ada juga peneroka bimbang kerana Belanjawan 2019 tidak menjelaskan bagaimana kerajaan dapat meningkatkan harga kelapa sawit yang semakin berkurangan sekarang sehingga menjelaskan pendapatan peneroka.

Peneroka FELDA Kota Gelanggi Tiga, Nordin Yet, 60, kemerosotan harga kelapa sawit sejak kebelakangan ini menjelaskan pendapatan peneroka yang bergantung sepenuhnya kepada komoditi itu.

"Kami berharap, kerajaan segera mencari jalan untuk meningkatkan harga sawit dengan mencari pasaran yang lebih luas di luar negara," katanya.

Ketua Kampung FELDA Sebertak, Bera, Omar Hussain, 58, pula berkata, Belanjawan 2019 tiada memperuntukkan program khidmat sosial untuk meneruskan Program Kasih FELDA dan Sejahtera Peneroka, membaik pulih rumah bagi penduduk di 317 tanah rancangan FELDA seluruh negara.

"Kerajaan hanya menekankan peruntukan untuk kemudahan asas tetapi tidak banyak untuk kebajikan peneroka yang rata-rata sudah berumur," katanya.

Sementara itu, peneroka FELDA Jengka 16, Maran, Hamzah Tawang, 60, berkata harapan tinggi warga FELDA ialah kerajaan menyediakan dana khas bagi bantuan kewangan dan pinjaman kepada anak-anak mereka meleset, kerana tiada dana disediakan untuk meneruskan pengajian tinggi di peringkat sijil, diploma dan ijazah dalam Belanjawan 2019.

"Ini bermakna tiada lagi Skim Tuisyen Felda (STF) untuk membiayai kelas tambahan di sekolah rendah dan menengah dapat dilaksanakan demi survival pendidikan generasi baharu FELDA," katanya.

EXCO Majlis Belia Felda Wilayah Jengka yang juga anak peneroka FELDA Jengka 18, Azmi Mohammad berkata belanjawan kali ini tiada peruntukan khas disediakan supaya projek perumahan generasi baharu FELDA di setiap rancangan dan peruntukkan khas membaiki pulih banyak projek yang terbengkalai disediakan.

"Saya berharap projek industri kecil dan sederhana dilaksanakan secara menyeluruh di rancangan FELDA supaya lebih banyak peluang pekerjaan kepada generasi baharu FELDA," katanya.



Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika tiba di Parlimen bagi pembentangan Belanjawan 2019, Jumaat lalu

4. RM112.9 juta untuk baiki kuarters polis

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2019 yang memperuntukkan sebanyak RM112.9 juta bagi tujuan pembaikan dan ubahsuai kuarters polis bakal memberi manfaat kepada anggota dan ahli keluarga yang mendiami kuarters di seluruh negara.

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peruntukan berkenaan akan digunakan untuk membaiki kuarters polis yang memerlukan pembaikan dengan segera, sekali gus memberikan keselesaan kepada anggota polis yang berkhidmat untuk negara.

"Terima kasih kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng yang memperuntukkan sejumlah RM15.6 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi tahun 2019 berbanding RM14.2 bilion bagi tahun ini.

"Peningkatan peruntukan ini adalah selaras dengan pertambahan dua agensi di bawah KDN iaitu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM)," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 1, sebanyak 63,963 (69.6 peratus) unit kuarters disediakan kepada anggota polis dalam usaha mempertingkatkan kebajikan anggotanya.

Daripada jumlah itu, penyediaan kuarters bagi Ibu Pejabat Polis Bukit Aman/Kontinjen adalah sebanyak 46,589, Pasukan Gerakan Am (11,939); Pusat Latihan (2,517); Pasukan Simpanan Persekutuan (1,682); Pengkalan Marin PDRM (1,179) dan Pengkalan Udara PDRM adalah sebanyak 57 kuarters.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu (BERSATU), berkata pembentangan belanjawan oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH) melakar sejarahnya yang tersendiri.

Katanya, menerusi tiga fokus belanjawan iaitu melaksanakan reformasi institusi, memastikan kesejahteraan rakyat dan memupuk budaya keusahawanan, beliau yakin belanjawan terbabit mampu memberi pengurusan negara, merangsang pertumbuhan ekonomi serta memberi faedah kepada rakyat.

"Keyakinan ini adalah berasaskan beberapa petunjuk ekonomi yang memberangsangkan antaranya prestasi ringgit yang semakin baik, kadar inflasi yang kekal rendah dan pertumbuhan ekonomi yang dijangka lebih positif pada tahun hadapan.

"Dengan langkah-langkah konsolidasi fiskal yang akan diambil oleh kerajaan, defisit juga akan berkurangan sehingga 2.8 peratus pada tahun 2021.

"Tanggungan negara juga akan berkurangan dengan pembatalan beberapa projek mega kerajaan kleptokrat Barisan Nasional yang dilaksanakan berasaskan perjanjian yang berat sebelah dan kos yang tidak munasabah," katanya.



LEE Hsien Loong

5. PM Singapura sasaran utama siasatan 1MDB adalah palsu

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Tinggi Singapura di Malaysia menafikan dakwaan bahawa Perdana Menterinya, Lee Hsien Loong menjadi sasaran utama siasatan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan hari ini, artikel yang kononnya dikeluarkan oleh portal The Coverage, adalah palsu.

"Pihak kami ingin mengesahkan artikel ini adalah palsu dan jelas ia adalah cubaan memfitnah," katanya.

Terdahulu, portal berkenaan memaparkan berita bertajuk "Berita Tergempar: Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong menjadi sasaran utama siasatan 1MDB - Najib menandatangani beberapa perjanjian berat sebelah dengan Hsien Loong sebagai pertukaran bagi pengubahan wang haram".

Menurut laporan terbabit, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dipercayai menandatangani beberapa perjanjian berat sebelah dengan Hsien Loong antaranya pelaksanaan projek Kereta Api Laju Kuala Lumpur-Singapura (HSR) sedangkan Malaysia dibebani hutang mencecah trilion, selain perjanjian penjualan air ke negara itu.

Laporan berkenaan turut mendakwa perjanjian yang dimeterai itu adalah bertujuan bagi mendapatkan bantuan daripada bank negara Singapura untuk 'mencuci' wang 1MDB.



6. Eksklusif: Enam didakwa terbabit kes seleweng projek

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak, dua bekas menteri dan seorang bekas timbalan menteri dijangka didakwa di mahkamah dalam masa terdekat kerana terbabit pelbagai kes penyelewengan projek bernilai jutaan ringgit.

Seorang bekas pegawai khas Najib dan seorang Ahli Parlimen juga dijangka menghadapi tuduhan.

Dua bekas menteri dan bekas pegawai khas itu berkemungkinan didakwa minggu depan, manakala yang lain proses siasatan masih diteruskan.

BH difahamkan, semua mereka sudah diambil keterangan oleh pegawai penyiasat.

Kes membabitkan Najib, seorang bekas menteri dan bekas pegawai khas itu difahamkan berkaitan projek pembekalan dan pemasangan panel tenaga solar kepada 369 sekolah di Sarawak bernilai RM1.25 bilion.

Projek itu mencetuskan kontroversi selepas portal Sarawak Report mendedahkan pada Januari 2017, Najib meluluskan projek berkenaan kepada sebuah syarikat penyewaan kenderaan yang beroperasi di Bintulu.

Surat ditandatangani Najib

Sarawak Report turut menyiarkan beberapa surat ditandatangani Najib yang mengarahkan Kementerian Pendidikan menganugerahkan projek dan membuat pembayaran terus kepada syarikat berkenaan walaupun terma dalam kontrak tidak dipenuhi oleh syarikat itu.

Julai lalu, seorang bekas pegawai khas Najib ditahan reman bagi membantu siasatan berhubung projek itu.

Pada Oktober pula, media melaporkan bekas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid memberi keterangan selama lima jam kepada SPRM bagi membantu siasatan berhubung kes sama.

Bagi kes seorang lagi bekas menteri, BH difahamkan ia membabitkan penjualan tanah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Sebelum ini, media melaporkan sebanyak 97 transaksi meragukan membabitkan penjualan tanah DBKL seluas 273.27 hektar bernilai RM5.63 bilion disiasat oleh satu pasukan khas ditubuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan serta SPRM sejak 31 Julai lalu.

Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad, dilaporkan berkata daripada jumlah itu, 43 transaksi diteruskan jualan, 23 dirunding semula, 20 akan disiasat SPRM, 10 transaksi dibatalkan dan satu transaksi dibawa ke mahkamah oleh pemaju.

Jual pada harga rendah

Lima daripada 43 transaksi itu dijual pada harga rendah berbanding harga sebenar, namun pasukan petugas khas mendapati penjualan tanah itu boleh diteruskan kerana membabitkan pembangunan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

Bulan lalu, bekas menteri kementerian itu, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor mengakui SPRM memanggilnya lebih 12 kali berhubung isu penjualan tanah DBKL.

Laporan juga menyebut Tengku Adnan membuat penjelasan tidak mempunyai kaitan dengan kelulusan tanah di Wilayah Persekutuan dan ketika mengambil alih jawatan menteri pada 2013, beliau menyatakan sudah memulangkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Bagi kes bekas timbalan menteri pula, ia dipercayai membabitkan penyelewengan dana Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) bernilai RM25 juta yang juga menunggu masa untuk diseret ke mahkamah.

Kes Ahli Parlimen yang juga bekas pengurus sebuah agensi berkaitan kerajaan itu pula berkaitan komisen yang diperoleh daripada pelbagai projek kerajaan.

Antaranya, pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) sejauh 316 kilometer, pembelian ambulans oleh Kementerian Kesihatan dan penampaikan jalan raya di beberapa lokasi di Semenanjung.

**DR Ronald Kiandee****7. Prosiding 1MDB digantung, siasatan laporan AG diteruskan**

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan menggantung semua perancangan prosiding berkaitan pertuduhan jenayah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sehingga mahkamah mencapai keputusan muktamad berhubung kes itu.

Jawatankuasa yang ditubuhkan menerusi bidang kuasa Parlimen itu bagaimanapun akan meneruskan siasatan terhadap rangkaian pertuduhan bahawa laporan akhir dikemukakan Jabatan Audit Negara (JAN) mengenai 1MDB pada 2016 dipinda atau ditukar.

Menerusi kenyataan, PAC turut mengumumkan Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad dan penyandang terdahulunya, Tan Sri Ambrin Buang akan dipanggil sebagai saksi memberi keterangan pada minggu pertama Disember.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, ketika ditemui hari ini berkata, keputusan menangguhan prosiding 1MDB diambil susulan nasihat JAN dan perunding perundangannya supaya tidak mengganggu perbicaraan di mahkamah.

"Kita bermesyuarat dengan Peguam Negara dua minggu lalu," katanya merujuk kepada cadangan Tommy Thomas menangguhkan prosiding secara 'sine die' (tanpa tarikh khusus) menerusi surat pada 25 Oktober lalu.

Ronald berkata, cadangan dikemukakan Peguam Negara secara pertemuan fizikal dan perutusan surat rasmi itu ialah bagi memastikan tidak timbul isu prejudis dikaitkan dengan 1MDB apabila perbicaraan mahkamah masih berlangsung.

Ditanya sama ada penangguhan prosiding itu akan berkuat kuasa untuk tempoh yang agak lama, Ahli Parlimen Beluran itu tidak meletakkan sebarang jangkaan mengenai bila proses berkenaan akan disambung semula.

"Ia bermakna tiada prosiding pada sesi kali ini sehingga perbicaraan kes (di mahkamah) selesai, malah pendirian PAC ini sudah dimaklumkan kepada Speaker.

"Saya pasti Speaker juga sudah memaklumkannya kepada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat di Dewan Rakyat, hari ini.

Timbalannya, Wong Kah Woh, yang kemudian mengadakan sidang media berasingan di lobi Parlimen pula memaklumkan keputusan penangguhan itu eksklusif terhadap kes jenayah dikaitkan dengan 1MDB.

Bagaimanapun, katanya, siasatan PAC terhadap tuduhan bahawa laporan akhir JAN pada 2016 dipinda atau ditukar masih diteruskan.

"Tommy beri kebenaran untuk berbuat demikian selepas PAC menjelaskan hala tuju dan skop siasatan, selain bersandarkan terma rujukan JAN yang menggariskan keputusan itu tidak bersifat prejudis terhadap perbicaraan kes di mahkamah.

"Keputusan sebulat suara turut dicapai berhubung penetapan tarikh untuk memanggil saksi berkaitan, iaitu pada 4 hingga 6 Disember depan.

"Oleh itu, kita akan teruskan siasatan bagi meneliti sama ada wujud elemen pindaan atau penukaran terhadap laporan akhir JAN berkaitan 1MDB yang dikemukakan pada 2016," katanya.

Kah Woh (PH DAP-Ipoh Timur) ketika membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) di Dewan Rakyat, pada 29 Oktober lalu mendedahkan bahawa laporan asal Ketua Audit Negara berhubung 1MDB dipinda atas arahan individu tertentu.

Beliau dilaporkan berkata, kegagalan untuk mengesan salah laku dalam syarikat pelaburan strategik negara itu hanya dikesan selepas peralihan tumpuk pemerintahan negara pada 9 Mei lalu.



PERDANA MENTERI, TUN DR MAHATHIR MOHAMAD

8. Bayaran RM30 bilion tak jejas operasi PETRONAS - PM

SINGAPURA: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menolak dakwaan bahawa bayaran khas RM30 bilion oleh PETRONAS kepada kerajaan akan menjaskan operasinya.

"PETRONAS tidak akan memberi wang tersebut sekiranya ia menjaskan operasi mereka, mereka mampu memberikan RM30 bilion itu."

"Mereka pernah memberi kita RM80 bilion pada masa harga minyak berada pada AS\$120 (setong)...kenapa RM30 bilion? RM30 bilion adalah kerana harga minyak berada pada AS\$70 setong," katanya apabila ditanya mengenai kesan pembayaran berkenaan ke atas operasi PETRONAS.

Beliau bercakap kepada media di luar Sidang Kemuncak ASEAN Ke-33 di sini, hari ini.

Dr Mahathir menegaskan yang Malaysia tidak bergantung kepada hasil minyak.

"Saya sudah nyatakan kepada mereka bahawa 80 peratus daripada eksport adalah barang-barang pembuatan yang dihasilkan dan bukan minyak. Kita tidak bergantung kepada minyak," katanya.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, dalam Belanjawan 2019 yang diumumkan awal bulan ini berkata, Putrajaya menjangka menerima hasil RM261.8 bilion tahun depan, termasuk pembayaran dividen khas sebanyak RM30 bilion daripada PETRONAS.

Ini akan melonjak komitmen dividen keseluruhan PETRONAS kepada RM54 bilion untuk membantu kerajaan dalam pembayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan dan pembayaran balik cukai pendapatan sebanyak RM37 bilion.



9. GST: Guan Eng beri keterangan kepada PAC

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, selesai memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) berhubung siasatan dakwaan tuntutan tunggakan bayaran balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berjumlah RM19.4 bilion.

Pengerusi PAC, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata pihaknya akan bermesyuarat seterusnya membuat rumusan berdasarkan keterangan Guan Eng selaku saksi terakhir untuk dilaporkan kepada Parlimen.

"Saya tidak mahu membuat kesimpulan awal, sebaliknya kita akan duduk dan meneliti setiap bukti yang diperoleh sejak bulan lalu.

"Kita berhasrat menyelesaikan siasatan secepat mungkin atau selewat-lewatnya sebelum tamat penggal Parlimen ini atau akhir tahun ini," katanya selepas menghadiri mesyuarat PAC di Parlimen, hari ini.

Sementara itu, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan terkejut apabila PAC mempunyai tanggapan salah dan menyangka RM19.4 bilion berkenaan masih ada dalam simpanan negara.

Katanya, perkara itu akan diselidik dan dibuktikan.

"Saya terkejut tapi kita akan selidik perkara ini. Kita sudah memaklumkan kepada PAC wang itu tiada dalam simpanan negara.

"Jika wang berkenaan ada, kita tidak perlu mengambil wang daripada PETRONAS," katanya.

Ogos lalu, Guan Eng ketika membentangkan Rang Undang-Undang Cukai Barang dan Cukai Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018 melaporkan, baki sedia ada dalam Tabung Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah RM1.48 bilion.



MOHD Hisham dibawa ke Mahkamah sesyen selepas dituduh pecah amanah hasil kutipan sewa Dewan Kompleks Rakan Muda Bera, di Kompleks Mahkamah Indera Mahkota

10. Kerani didakwa pecah amanah RM2,250

KUANTAN: Seorang kerani Pejabat Belia dan Sukan Pahang mengaku tidak bersalah atas dakwaan melakukan pecah amanah di Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, di sini, hari ini.

Mohd Hisham Mohd Kamaruddin, 34, dituduh melakukan kesalahan itu ketika bertugas sebagai pembantu tadbir bahagian Perkeranian dan Operasi di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Bera pada 10 Februari 2017 dan 28 Mac 2017.

Bagi tuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan pecah amanah terhadap hasil kutipan sewa Dewan Kompleks Rakan Muda Bera berjumlah RM800 pada 10 Februari 2017 yang sepatutnya dimasukkan ke Akaun Jabatan Akauntan Negara.

Bagi pertuduhan kedua pula, dia didakwa melakukan kesalahan sama membabitkan jumlah RM1,450 pada 28 Mac 2017.

Tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.

Pendakwaan bagi kedua-dua pertuduhan mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan (Akta 574) dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Siti Sarah Zainal Abiddin dan tertuduh diwakili peguam, Syadzuwan Mohamad Taib.

Hakim Mohd Ghazali Mohamad Taib menetapkan ikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 14 Disember ini sebagai tarikh penyerahan dokumen dan sebutan semula kes.

11.2 pensyarah nafi salah guna kuasa

MUHAMMAD Zulfattah Zakaria dan isteri, Norain Idris mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, hari ini atas empat pertuduhan salah guna kuasa mendapatkan bekalan makmal bagi tujuan penyelidikan daripada syarikat ibu mereka bernilai lebih RM50,000, tiga tahun lalu

AYER KEROH: Dua pensyarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas empat pertuduhan salah guna kuasa mendapatkan bekalan makmal bagi tujuan penyelidikan daripada syarikat ibu mereka bernilai lebih RM50,000, tiga tahun lalu.

Muhammad Zulfattah Zakaria, 36, dan isterinya, Norain Idris, 33, membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan secara berasingan terhadap mereka di hadapan Hakim Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, Muhammad Zulfattah didakwa menggunakan kedudukan untuk mendapatkan suapan apabila terbabit menyediakan tiga sebut harga bernilai RM19,986, RM19,975 dan RM9,102 bagi pembelian barang makmal dan perkhidmatan penyelidikan daripada syarikat HA Mega Supply milik ibu mentuanya.

Norain pula didakwa terbabit dengan tindakan dan menguruskan pembelian bekalan sama daripada syarikat sama, iaitu milik ibunya berjumlah RM3,498.

Kesalahan itu didakwa dilakukan mereka antara Januari hingga Julai 2015.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut nilai lebih tinggi.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Irwan Shah Abdul Samat menawarkan jaminan RM80,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan terhadap Muhammad Zulfattah, manakala RM10,000 kepada Norain serta beberapa syarat tambahan.

Bagaimanapun, kedua-dua tertuduh yang diwakili peguam bela Rohaizad Kasim merayu jumlah jaminan dikurangkan dengan alasan pasangan suami isteri berpendapatan RM9,000 sebulan itu perlu menanggung dua anak dan masing-masing dua ibu serta seorang adik.

Mahkamah kemudian memutuskan Muhammad Zulfattah diikat jamin RM30,000, manakala isterinya RM10,000 masing-masing dengan seorang penjamin serta perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri setiap bulan di pejabat SPRM Melaka.

Akhbar pada 6 September tahun lalu melaporkan, kedua-dua suspek memegang jawatan sebagai pensyarah kanan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM, direman lima hari bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Bagaimanapun, suspek lelaki dibenarkan jaminan tunai RM3,000 dan RM47,000 tanpa cagaran, manakala isterinya dengan jaminan tunai RM2,000 dan RM8,000 tanpa cagaran, masing-masing dengan seorang penjamin.



Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memberi keterangan berkaitan penyelewengan dana Yayasan Akal Budi.

12. Ahmad Zahid beri keterangan di SPRM

KUALA LUMPUR: Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tepat jam 3 petang tadi untuk diambil keterangan dan difahamkan mungkin ditahan sebelum didakwa esok.

Beliau yang memakai kemeja batik bercorak hitam putih dan garisan berwarna warni kelihatan ceria ketika berhadapan dengan lebih 50 petugas media yang menunggunya sejak jam 11 pagi tadi.

Dalam pada itu, kira-kira 30 penyokong Ahmad Zahid dilihat berkumpul di perkarangan pintu pagar ke bangunan SPRM sejak jam 2 petang tadi.

Kehadiran mereka bagi memberi sokongan kepada Presiden UMNO itu yang sekali lagi diarahkan ke SPRM hari ini untuk diperiksa keterangannya sebelum beliau dikatakan akan ditahan dan seterusnya didakwa di mahkamah esok.

Semalam, Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Lokman Noor Adam, dalam akaun Facebooknya mendedahkan Ahmad Zahid menerima notis pada jam 1.45 petang semalam untuk hadir ke SPRM hari ini dan akan ditahan semalam di lokap SPRM sebelum didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur esok.

Beliau turut meminta para penyokong UMNO untuk hadir ke ibu pejabat SPRM hari ini sebagai sokongan moral kepada Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk.

Sebelum ini, SPRM sudah memanggil Ahmad Zahid sebanyak lima kali bagi membantu siasatan berhubung dakwaan penyelewengan dana Yayasan Akal Budi membabitkan nilai mencecah RM800,000.

Pada 2 Julai lalu, Ahmad Zahid pertama kali dipanggil untuk memberi keterangan berkaitan siasatan penyelewengan dana yayasan itu yang dikaitkan dengan beliau kerana digunakan menjelaskan hutang kad kredit milik beliau dan isterinya.

Pada 3 Julai, Ahmad Zahid dipanggil buat kali kedua dan selepas memberi keterangan hampir tujuh jam, beliau menjelaskan kepada media tiada sebarang penyelewengan berlaku ke atas dana Yayasan Akal Budi yang dikendalikan keluarganya itu.

Menurutnya, apa yang berlaku sebenarnya ialah kesilapan pegawainya yang membuat pembayaran kad kredit dengan menggunakan duit yayasan dan bukannya menggunakan cek peribadi.

Katanya, beliau sudah menjelaskan perkara itu kepada SPRM dan bayaran balik ke akaun yayasan sudah dibuat sepenuhnya pada 2016.

Namun, pada 10 hingga 12 Oktober, Ahmad Zahid dipanggil selama tiga hari berturut-turut bagi memberi keterangan berhubung dakwaan sama.

Turut dipanggil untuk memberi keterangan bagi siasatan berhubung dakwaan sama ialah anak Ahmad Zahid, Datuk Nurulhidayah; adik Ahmad Zahid, Datuk Seri Mohamad Nasae Ahmad Tarmizi dan menantu Ahmad Zahid, Datuk Saiful Nizam Mohd Yusoff .

SPRM juga pernah memanggilnya sebelum ini bagi membantu siasatan berhubung dakwaan beliau bertemu dengan kerabat Arab Saudi yang dikatakan memasukkan wang RM2.6 bilion ke akaun bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

13. Jho Low setuju serah semua aset kepada DoJ

JHO Low dikatakan bersetuju menyerahkan semua aset miliknya kepada Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat

KUALA LUMPUR: Ahli perniagaan kontroversi, Jho Low dikatakan bersetuju menyerahkan semua aset miliknya kepada Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS).

Menurut laporan yang didedahkan portal Sarawak Report, tindakan Jho Low atau nama sebenarnya Low Taek Jho itu, bagaimanapun, tidak akan memberi sebarang kerugian kepadanya.

Sebaliknya, semua aset yang diserahkan kepada DoJ dipercayai mengalami penurunan harga antaranya harta tanah di New York, AS, pesawat peribadi di Singapura dan kapal layar mewah, Equanimity.

"Disaat semua aset milik Jho Low mula bertukar menjadi liabiliti, beliau bertindak menyerahkannya kepada pihak berkuasa," katanya.

Pendedahan itu dibuat selepas ahli perniagaan yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) menggugurkan tuntutannya terhadap Hotel Park Lane di New York dan membenarkan harta tanah itu dijual kepada syarikat pelabur Mubadala yang dimiliki oleh kerajaan Abu Dhabi.

Hotel mewah itu antara aset di AS yang dipercayai dibeli oleh Jho Low menggunakan wang 1MDB.

Pada 2013, Jho Low membeli hotel itu secara usaha sama dengan pemaju harta tanah Witkoff Group pada harga AS\$654 juta bagi mendapatkan 85 peratus pemilikan.

Syarikat pelabur Mubadala turut membayar sebanyak AS\$135 juta kepada Jho Low pada akhir 2013, untuk mendapatkan kepentingan dalam hotel itu.

Bagaimanapun, menurut laporan Sarawak Report, harga hotel berkenaan mulai merudum dan memerlukan pengubahsuaian.

Dengan menyerahkan hotel berkenaan kepada pihak lain, Jho Low bukan saja dapat berjimat dengan tidak mengeluarkan wang untuk memperbaikinya, malah tidak perlu membayar lebihan pinjaman.

**DR Maszlee Malik****14. Maszlee serah isu bantuan susu kepada SPRM**

KUALA LUMPUR: Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik mempertahankan pendedahan sebelum ini mengenai misteri 'kehilangan' susu daripada program bantuan susu kerajaan bernilai jutaan ringgit, selepas tidak dihantar ke sekolah sejak tahun lalu.

Ia susulan laporan sebuah akhbar yang menyangkal dakwaan Maszlee apabila lima syarikat pembekal susu dilantik kerajaan lalu mendakwa telah menghantar bekalan kepada lebih 7,000 sekolah terbabit dalam Program Susu 1Malaysia (PS1M) bermula Ogos hingga Oktober tahun lalu.

Maszlee berkata, isu itu sudah pun dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihaknya akan menunggu hasil siasatan sebelum memutuskan tindakan lanjut.

"Isu ini sudah dibawa kepada SPRM dan kita biarkan SPRM menjalankan siasatan," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Mengulas lanjut, Maszlee memberi jaminan semua pelaksanaan program susu itu akan dilaksanakan secara tender terbuka selepas ini dan tidak akan memberikannya kepada syarikat yang tidak berkaitan dengan pembekalan susu.

"Pada masa depan, segala proses akan berlaku secara tender terbuka dan tidak ada lagi rundingan terus seperti sebelum ini.

"Kita juga akan pastikan tidak ada kilang santan yang akan diberikan kontrak untuk membekalkan susu kepada pelajar sekolah," katanya tanpa menjelaskan lebih lanjut.

Minggu lalu, Maszlee dilaporkan mendakwa PS1M di bawah kerajaan Barisan Nasional (BN) gagal dan dipenuhi skandal, apabila ia didapati hilang dan tidak dihantar ke sekolah sejak tahun lalu, walaupun diperuntukkan dalam Bajet 2018.

Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan memberi jaminan akan meneruskan pelaksanaan program pembekalan susu untuk murid sekolah rendah di seluruh negara, dengan peruntukan untuk meneruskan program terbabit sudah disediakan menerusi Belanjawan 2019.



MOHAMED Azmin Ali.

15. Kertas Putih FELDA dedah 'kecurangan' serius

KUALA LUMPUR: Laporan interim Kertas Putih berhubung isu FELDA mendedahkan kecurangan serius membabitkan masalah kewangan agensi itu.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata kecurangan itu terdedah selepas beliau meneliti deraf pertama laporan terbabit.

"Ya, saya sudah melihat deraf pertama laporan interim dan ia amat serius. Kementerian perlu mendapatkan maklumat lebih lanjut berhubung perkara itu.

"Beberapa perkara sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kami tidak boleh masuk campur dalam hal itu," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Mohamed Azmin baru-baru ini berkata, kerajaan akan membentangkan Kertas Putih berkaitan pengurusan FELDA yang 'curang' dan tidak bertanggungjawab, Disember ini.

Beliau berkata, kertas itu dibentangkan berikutan kecelaruan pengurusan dan hutang melampau agensi itu yang melebihi RM8 bilion.

Mohamed Azmin berkata, pihaknya dalam peringkat akhir menyiapkan Kertas Putih FELDA yang akan dibentangkan di Parlimen dalam tempoh terdekat ini.

"Kerja pengauditan oleh syarikat luar sedang disiapkan supaya kita dapat melihat gambaran sebenar berhubung masalah kewangan FELDA dan salah tadbir urus yang berlaku.

"Perkara ini penting supaya golongan peneroka dapat memahami situasi sebenar yang menimpa FELDA," katanya.

Mengulas mengenai aset FELDA yang akan dijual, Mohamed Azmin berkata, harta tanah terbabit dibeli pada harga premium yang tinggi dan bukan pada harga pasaran.

"Kita mungkin tidak akan dapat pulangan yang sewajarnya jika aset terbabit dijual. Bagaimanapun, biar kami bentangkan dulu Kerta Putih, dan kita membuat cadangan yang diperlukan," katanya.



16. Pengurusan baharu 1MDB siasat keterangan bohong juruaudit

KUALA LUMPUR: Pengurusan baharu 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sedang menyiasat dakwaan seorang bekas pegawai kanan syarikat audit Deloitte Malaysia berbohong kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Pegawai kanan syarikat audit itu, syarikat yang pernah memberi perkhidmatan berkenaan kepada 1MDB, didakwa berbuat demikian ketika memberi keterangan kepada PAC pada prosiding berhubung 1MDB, Jun 2016.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan hasil siasatan pengurusan baharu 1MDB serta nasihat daripada Jabatan Peguam Negara dalam perkara itu.

"Untuk makluman Dewan Rakyat, pihak pengurusan baharu 1MDB kini sedang menyiasat perkara itu dan akan mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan hasil siasatan serta nasihat daripada Jabatan Peguam Negara," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat pada Isnin lalu.

Guan Eng menjawab soalan Lim Lip Eng (PH DAP-Kepong) yang bertanya apakah tindakan yang akan diambil kerajaan terhadap keterangan bohong yang diberikan pegawai kanan Deloitte Malaysia dalam siasatan PAC apabila beliau mempertahankan pengauditan 1MDB yang didakwanya palsu.

Deloitte pada 27 Julai 2016 dilaporkan berkata, maklumat dalam pemfailan saman Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) membabitkan rampasan aset berkaitan 1MDB, menjelaskan audit mereka pada tahun 2013 dan 2014.

Syarikat audit itu berkata, sehubungan itu, kenyataan kewangan 1MDB pada tahun berkenaan yang ditandatangani Deloitte pada 28 Mac 2014 dan 5 November 2014 tidak boleh lagi digunakan.

Deloitte membuat kenyataan berkenaan dua tahun lalu selepas 1MDB pada ketika itu, mengumumkan syarikat audit terbabit menarik diri daripada menjadi juruaudit mereka, iaitu syarikat ketiga berbuat demikian sejak 2009.

Antara 31 Mac 2010 hingga 31 Mac 2012, syarikat juruaudit bagi laporan kewangan 1MDB adalah KPMG Malaysia, namun syarikat itu pada Jun lalu dilaporkan berkata, audit dilakukan mereka dalam tempoh itu adalah tidak tepat selepas meneliti Laporan Ketua Audit Negara mengenai 1MDB yang sebelum itu diklasifikasikan sebagai sulit mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1972.

Menurut laporan PAC, khidmat KPMG ditamatkan apabila enggan menandatangani akaun tanpa perincian berkaitan pelaburan bernilai AS\$2.32 bilion.

The Wall Street Journal pula pernah melaporkan khidmat firma Ernst & Young juga ditamatkan pada 2010 selepas membangkitkan persoalan sama.

DOJ mahu menyita lebih AS\$1 bilion aset yang dikatakan berpunca daripada 1MDB.



17. 1MDB: IPIC saman Goldman Sachs

KUALA LUMPUR: International Petroleum Investment Company (IPIC) sudah memfailkan tuntutan saman terhadap bank pelaburan Amerika Syarikat, Goldman Sachs, dan pihak lain bagi mendapatkan semula kerugian yang dialami melalui urus niaga dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Firma milik Abu Dhabi itu, dalam satu kenyataan, memaklumkan saman sivil itu difailkan di New York, semalam.

"Tindakan undang-undang itu dikemukakan terhadap Goldman Sachs dan yang lain atas dakwaan mereka memainkan peranan utama dalam usaha untuk 'merosakkan' bekas eksekutif IPIC dan anak syarikatnya, Aabar Investments.

"Goldman didakwa bersekongkol dengan individu tidak dikenali dari Malaysia untuk merasuh bekas Pengarah Urusan IPIC serta Pengerusi Aabar, Khadem Abdulla al-Qubaisi, serta bekas Ketua Eksekutif, Mohamaed Ahmed Badawy al-Husseiny, bagi mengembangkan perniagaan mereka (Goldman Sachs dan 1MDB) dengan perbelanjaan daripada IPIC dan Aabar," menurut kenyataan itu.

IPIC juga sudah mengemukakan aduan jenayah kepada Emiriah Arab Bersatu berhubung Qubaisi dan Husseiny atas dakwaan menerima rasuah dan menyalahgunakan kuasa mereka.

Sementara itu, jurucakap Goldman Sachs berkata, pihaknya sedang dalam proses mengkaji tuduhan yang dikemukakan.

Menurut laporan Reuters, pegawai kerajaan Malaysia tidak dapat dihubungi untuk memberikan ulasan.



18. Tajuddin dedah pernah tegur Najib isu 1MDB, Jho Low

KUALA LUMPUR: Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman mendedahkan beliau sudah mendesak Datuk Seri Najib Razak mengambil tindakan terhadap pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kira-kira dua tahun lalu.

Beliau berkata, desakan itu di buat selepas bimbang dengan urus niaga yang dijalankan 1MDB terutama membabitkan International Petroleum Investment Co (IPIC) dan Aabar Investment.

"Sebenarnya saya sudah lama merasakan daripada penganalisaan, apa yang berlaku dalam 1MDB itu ada macam penipuan terutama sekali membabitkan Jho Low, pengurusan dan juga Lembaga Pengarah 1MDB.

"Saya sebagai seorang ahli parti dan juga ahli Majlis Tertinggi berasa bertanggungjawab untuk memberitahu Najib sebagai Perdana Menteri supaya mengambil tindakan terhadap pengurusan 1MDB dan juga Lembaga Pengarah kerana ada banyak transaksi 1MDB itu tidak mengikut peraturan," katanya kepada media di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas pengakuan Najib bahawa pentadbiran beliau ditipu oleh pihak yang diberi kepercayaan untuk menguruskan 1MDB.

Najib hari ini dalam wawancara FB Live Sinar Harian berkata, kerajaan melantik peguam, juruaudit dan bank Goldman Sachs Group (Goldman) untuk memantau syarikat pelaburan strategik negara itu, namun sebaliknya berlaku apabila ia tidak dikawal selia dengan baik.

Tajuddin berkata, daripada maklumat yang beliau terima, Jho Low adalah seorang 'emain utama' dan bayaran yang dibuat oleh 1MDB kepada Aabar Investment dan IPIC disyaki wujud penipuan.

"Ini (skandal) sangat serius, saya meminta supaya siasatan disegearkan dan tindakan diambil. Saya masih ingat kata-kata saya ketika itu... kalau tunggu lama-lama nanti kita akan menghadapi masalah kehilangan kepercayaan dalam kalangan rakyat," katanya.

Ditanya reaksi Najib berhubung tegurannya, katanya Najib hanya mendiamkan diri ketika itu.

"Dia senyap. Jadi, saya sebagai seorang yang setia pada parti dan juga sebagai satu pasukan menjadi peranan menyuarakan, memberi pendapat, menegur. Saya sangat serius," katanya.

Beliau menjelaskan selepas itu semakin hangat, Najib ada menyatakan siasatan tidak boleh dilakukan secara terburu-buru.

"Saya menyatakan orang tidak boleh tunggu, mereka mahu tindakan diambil. Malah, ketika bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda beri penerangan kepada UMNO itu, saya persoalkan kerana merasa ragu dan was-was membabitkan transaksi kepada Aabar Investments," katanya.

Ditanya sama ada bersetuju supaya Jho Low dipanggil balik dan disiasat, katanya beliau meminta kerajaan menyegerakan tindakan ke atas ahli perniagaan itu.

Mengulas sama ada UMNO juga ditipu dalam isu skandal 1MDB itu , katanya UMNO tidak tahu mengenai perkara itu.

"Kami tidak tahu apa-apa. Anda boleh tanya Ketua Bahagian , cawangan dan ahli biasa, mereka tidak tahu apa-apa.

"Pertama sekali, tindakan mesti diambil kepada mereka yang bertanggungjawab, pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat. Saya sokong tindakan kerajaan dalam isu ini, " katanya.

Ditanya mengenai kesan kes itu kepada UMNO, katanya parti perlu menanganinya supaya imej parti tidak tercalar.



TONG Kooi Ong.

19. Tong Kooi Ong dedah beri amaran kepada Najib mengenai 1MDB dan Jho Low

KUALA LUMPUR: Pengerusi Kumpulan Media The Edge, Datuk Tong Kooi Ong mendedahkan beliau sudah memberi amaran mengenai salah laku membabitkan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 2015 tetapi tidak diendahkan sebaliknya penerbitan akhbar harian dan mingguan syarikat itu digantung.

Pendedahan itu dibuat susulan kenyataan Najib dalam satu wawancara baru-baru ini yang menyatakan dirinya tidak mengetahui mengenai salah laku membabitkan 1MDB kerana tidak diberitahu mengenainya dan pentadbiran beliau ditipu oleh pihak yang diberi kepercayaan untuk menguruskan syarikat pelaburan strategik itu.

Kooi Ong dalam tulisannya yang disiarkan di dalam portal www.edgeprop.my hari ini mendedahkan beliau memberi amaran itu pada pertemuan dengan Najib yang berlangsung di kediaman bekas Perdana Menteri itu di Jalan Duta yang diaturkan bekas Pengerusi Tabung Haji yang juga Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim.

Katanya, pada pertemuan empat mata itu, Najib menyatakan laporan The Edge adalah salah kerana apa yang berlaku pada 1MDB adalah masalah model perniagaannya kerana membuat terlalu banyak hutang bukannya masalah kecurian wang.

"Saya kemudian mendedahkan maklumat salah laku bersama bukti berlakunya penipuan yang dirancang oleh ahli perniagaan Jho Low. Saya menjelaskan bagaimana akaun palsu dibuat bagi memperlihatkan adanya keuntungan sedangkan wang diperoleh itu sudah hilang.

"Selepas kira-kira setengah jam, Najib menyatakan kekesalannya dan memberitahu saya dia akan menutup 1MDB. Namun, dia tidak mengatakan apa yang akan dilakukannya mengenai hutang syarikat terbabit.

"Saya kemudian memberitahu Najib bahawa Jho Low mesti dipertanggungjawabkan dan perlu didakwa. Ini mengganggunya. Beliau segera berdiri, berjalan ke pintu dan meminta saya untuk pergi. Saya terkejut kerana beliau begitu sensitif mengenai Jho Low," katanya.

Kooi Ong mendedahkan selepas pertemuan dengan Najib yang disifatkan tidak berakhir dengan baik itu, beliau memutuskan menerbitkan pembongkaran skandal 1MDB dan Jho Low berdasarkan maklumat yang diterima daripada bekas Pegawai Eksekutif PetroSaudi International Ltd (PSI), Xavier Andre Justo.

PSI adalah rakan perniagaan strategik 1MDB.

Katanya, Najib jelas masih enggan mengambil tanggungjawab terhadap 1MDB dan menyalahkan orang lain, malah beberapa bulan lalu, menyalahkan lembaga pengarah 1MDB berkaitan skandal itu.

"Sejak empat tahun yang lalu, The Edge, yang saya miliki, dan saya sendiri menahan diri daripada membuat komen umum mengenai apa yang berlaku pada 2014/15.

"Saya juga tidak mengatakan apa-apa secara umum mengenai bagaimana perkara itu ditangani oleh Najib, rakan yang saya kenal selama lebih dari 25 tahun. Saya rasa, menjadi tanggungjawab saya untuk buat yang terbaik menyiasat mengenainya.

"Tetapi saya fikir sudah sampai masanya yang perkara ini perlu didedahkan kepada umum kerana Najib menyatakan yang beliau tidak bersalah terhadap 1MDB dan kita tidak boleh lagi bertolak ansur dengan Jho Low ini," katanya.

Mengimbau pembongkaran akhbar itu mengenai skandal 1MDB, Kooi Ong berkata, 1MDB dimulakan pentadbiran Najib pada 2009 dengan perjanjian pertama yang dilakukan membabitkan usahasama AS\$1 bilion dengan PSI, yang kemudiannya meningkat kepada AS\$1.8 bilion pada 2011.

"Tidak banyak maklumat yang diketahui mengenai usaha sama itu antara tahun 2009 hingga 2013, yang mana 1MDB ketika itu telah mengumpul hutang melebihi RM38 bilion, termasuk menaikkan tiga bon berjumlah AS\$6.5 bilion dengan bantuan Goldman Sachs untuk membeli dua loji kuasa dan membangunkan Tun Razak Exchange (TRX).

"Bermula dari Disember 2013, The Edge mula meneliti semua urus niaga ini. Laporan kami juga mempersoalkan mengapa 1MDB terlebih bayar untuk loji kuasa dan tanah di Pulau Pinang dan membuat pembayaran melebihi AS\$600 juta kepada Goldman Sachs.

"The Edge juga mempersoalkan mengapa 1MDB mempunyai tiga juruaudit dalam tempoh lima tahun dan menimbulkan keraguan mengenai kemampuannya membayar hutangnya kerana tidak mempunyai banyak aliran tunai." katanya.

Beliau berkata, laporan The Edge, dari Disember 2013 hingga Disember 2014 itu menyebabkan beberapa serangan peribadi dibuat terhadapnya dan beliau dituduh oleh beberapa blogger sengaja menerbitkan berita negatif dan palsu sebagai "mengganggu kedudukan ringgit dalam pasaran".

Turut didedahkan dalam tulisan itu mengenai perjumpaan beliau dengan Justo yang diaturkan Editor, Sarawak Report, Clare Rewcastle-Brown di Singapura.

Pada 10 Februari 2015, saya bersama penerbit The Edge, Ho Kay Tat bertemu dengan Clare di Singapura untuk diperkenalkan dengan Justo, yang pernah bekerja di PSI sebagai pengarah kanan.

"Dokumen dan e-mel yang kami terima daripada Justo adalah bukti yang kami perlukan mengukuhkan laporan pendedahan skandal 1MDB. Kami mengambil masa beberapa minggu untuk melengkapkan dokumen bagi menyiasat bagaimana AS\$1.8 bilion yang 1MDB laburkan bersama PSI disedut oleh Jho Low dan pengasas PSI, Tarek Obaid, Patrick Mahony dan Putera Turki tanpa pengetahuan syarikat pelaburan itu," katanya.

Beliau turut mendedahkan penasihat media Najib, Paul Stadlen turut memberi amaran beberapa kali kepada beliau untuk menghentikan laporan mengenai 1MDB dan berkemungkinan akan dikenakan tindakan.

Tekanan itu, katanya tidak sedikit pun menggugat beliau untuk berhenti daripada terus mendedahkan skandal berkenaan.

Katanya, beliau berbincang mengenai situasi itu dengan adik Najib, Datuk Seri Nazir Razak yang memberikan kerjasama sejak 2014 berhubung isu 1MDB.

"Nazir turut menerima tekanan dan diminta berhenti mendedahkan isu itu. Saya dan Nazir kemudian sepakat untuk meminta bantuan Tun Dr Mahathir Mohamad dan kemudian bertemu dengannya di London.

"Selain Dr Mahathir, saya dan Nazir juga bertemu beberapa pemimpin kerajaan yang lain termasuk Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Mereka semua berminat mengetahui mengenainya.

"Muhyiddin kemudiannya dipecat Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri dan UMNO selepas lantang mempersoalkan mengenai skandal itu," katanya.

Kooi Ong dan Kay Tat kemudian di siasatan polis kerana dikatakan terbabit dengan skandal sabotaj ekonomi selepas laporan muka depan The Edge Financial Daily menyiar laporan mengenai penipuan Jho Low dan PSI bernilai AS\$1.83 billion ke atas 1MDB.

Akhbar mingguan dan hariannya, The Edge Weekly dan The Financial Daily kemudianya digantung pada 24 Julai 2015.

Mengakhiri tulisannya, Kooi Ong berkata, Najib mengetahui apa yang Jho Low lakukan dan akhbar itu memberikan maklumat mengenainya tetapi diminta menutup mulut dan kemudian digantung.



GAMBAR fail, Jho Low

20. Jho Low hadir mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB - Jabatan Audit

KUALA LUMPUR: Jabatan Audit Negara (Jabatan Audit) mengesahkan bahawa ahli perniagaan kontroversi, Low Taek Jho atau Jho Low, menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Bagaimanapun, fakta itu diminta disembunyikan atas arahan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, melalui ketua setiausaha sulit beliau ketika itu, dilakukan dengan menggugurkan beberapa perenggan dalam Laporan Akhir Pengauditan 1MDB, menurut kenyataan dikeluarkan Jabatan Audit semalam.

Malah, terdapat dua pengguguran penting yang dilakukan iaitu berkaitan status akaun kewangan 1MDB dan mengenai kehadiran Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Beberapa bekas tokoh kerajaan yang penting, termasuk bekas ketua setiausaha sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Shukry Salleh; bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa dan bekas ketua audit negara Tan Sri Ambrin Buang, turut dinamakan dalam kenyataan dikeluarkan Jabatan Audit itu.

Selain itu, ia juga membabitkan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Arul Kanda, yang mempunyai kapasiti membuat keputusan penting berhubung proses pengguguran fakta dalam Laporan Audit 1MDB.

Dalam kenyataan, Jabatan Audit memaklumkan pada 20 Februari 2016, Shukry meminta Jabatan Audit membentangkan laporan audit akhir mengenai 1MDB kepada Perdana Menteri bagi perbincangan lanjut dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Bagaimanapun, Jabatan Audit mendakwa mesyuarat PAC yang pada asalnya dijadual diadakan pada 24 Februari 2016, ditangguh hingga ke 4 dan 7 Mac 2016 bagi memberi masa kepada Jabatan Audit membuat pindaan-pindaan disebabkan perlunya membuat pindaan serta pengguguran fakta daripada laporan audit 1MDB.

Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dengan fakta yang disembunyikan itu kemudiannya dibentangkan kepada PAC pada 4 dan 7 Mac 2016.

Pada 22 Februari 2016, Najib, melalui Shukri, mengarahkan dua perenggan digugurkan daripada Laporan Akhir Pengauditan 1MDB berkaitan dengan fakta mengenai akaun kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Menurut kenyataan itu, alasan diberikan Shukry untuk menggugurkan dua perenggan itu adalah bagi membenarkan siasatan dijalankan oleh pihak berkuasa. Jabatan Audit mengklasifikasikan 1MDB sebagai sebuah 'krisis' pada 23 Februari 2016,

Jabatan Audit juga mendakwa bahawa Najib mengarahkan satu lagi fakta untuk disembunyikan berkaitan Jho Low menghadiri mesyuarat 1MDB.

Dalam satu mesyuarat pada 24 Februari 2016 yang dihadiri Ali, Shukry, Ambrin dan Arul, bersama wakil Pejabat Peguam Negara dan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit mendakwa terdapat beberapa lagi perenggan dan petikan lain diminta dipinda dan digugurkan.

Pasukan audit 1MDB diarahkan Ali untuk menghadiri mesyuarat di pejabat beliau bersama Arul bagi membincangkan maklumat lanjut mengenai Laporan Akhir Pengauditan 1MDB pada 25 Februari 2016.

Kenyataan Jabatan Audit mendakwa bahawa Shukry, atas arahan Najib, mengarahkan bekas pengarah audit untuk membuang satu perenggan yang membuktikan bahawa Jho Low ada menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB.

Shukry mendakwa tindakan menyembunyikan fakta itu adalah penting dan sensitif serta harus dibuat bagi mengelakkan pihak pembangkang memanipulasikan isu berkenaan.

Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dipinda untuk mengecualikan kehadiran Jho Low dalam mesyuarat 1MDB dan dokumen yang dipinda itu kemudian diserahkan kepada Ali untuk tindakan lanjut pada 28 Februari 2016.

Pada 1 Mac 2016, Ali sekali lagi memanggil pasukan Audit ke pejabatnya untuk membincangkan dokumen laporan audit terbabit. Menurut Jabatan Audit, hanya ada dua individu yang hadir, iaitu Arul dan Ali sendiri dalam sesi itu.

Kedua-dua Arul dan Ali dilaporkan meneliti dokumen akhir membabitkan peninggalan dan/atau pindaan selanjutnya turut diperintahkan dalam pertemuan itu.

Pada 2 Mac 2016, laporan Akhir Pengauditan 1MDB itu dicetak sebelum keesokan harinya iaitu pada 3 Mac 2016, dua salinan laporan diberikan Ali kepada Shukry.

Ambrin membentangkan laporan audit itu di dalam PAC pada 4 dan 7 Mac 2016.

Jabatan Audit memaklumkan bahawa Laporan Akhir Pengauditan 1MDB yang asal dan tidak mengandungi apa-apa pindaan dan pengguguran sudah diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan pihak polis pada tahun ini untuk tindakan lanjut.



KHAIRY Jamaluddin.

21. Arahan pinda laporan audit 1MDB serius - Khairy

KUALA LUMPUR: Tindakan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengarahkan nama Low Taek Jho atau Jho Low dikeluarkan daripada Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), adalah mengecewakan.

Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin, berkata pendedahan Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, semalam berhubung arahan itu adalah perkara amat serius jika benar ia berlaku.

"Jika benar arahan memadamkan kehadiran Jho Low dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB itu berlaku, ia adalah tindakan yang serius dan mengecewakan," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Madinah semalam yang mendedahkan beberapa perenggan Laporan Akhir Pengauditan 1MDB dikeluarkan, antaranya membabitkan nama Jho Low atas arahan Najib dan pegawainya.

Susulan itu, Najib semalam menjelaskan pihaknya menerusi Kementerian Kewangan pernah mengeluarkan kenyataan mengenainya di Parlimen pada 2015.

Antara lain, katanya, ia mengesahkan ahli perniagaan dalam buruan itu pernah menghadiri mesyuarat 1MDB mewakili syarikat PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi) dan seorang putera.

Bagaimanapun, Khairy mempersoalkan penjelasan Najib itu kerana arahan pindaan berkenaan tidak sepatutnya berlaku jika benar penjelasan berkenaan kehadiran Jho Low pernah dibuat secara terbuka.

"Jika itu benar, kenapa ada kenyataan daripada Ketua Audit Negara mengatakan ada arahan untuk meminda laporan itu.

"Ada percanggahan antara penjelasan Najib dan kenyataan Ketua Audit Negara. Kita tunggu penjelasan lanjut Ketua Audit Negara mengenai perkara ini serta hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)," katanya.

Ditanya sama ada kehadiran Jho Low dalam mesyuarat 1MDB pernah dimaklumkan kepada Kabinet sebelum ini, Khairy berkata, ia tidak pernah berlaku manakala kebanyakan perkara mengenai syarikat pelaburan strategik negara itu tidak diberitahu kepada jemah Kabinet.

Mengenai kewajaran pindaan dan pengguguran dalam laporan itu dibuat, bekas Menteri Belia dan Sukan itu berkata, ia tidak sepatutnya berlaku kerana laporan audit perlu bebas dan berkecuali.

"Saya sebagai menteri dulu pun banyak kali kementerian disiasat, diaudit dan ditegur. Kita terima sebab itu perkara biasa dalam kerajaan, mesti diaudit dan kelemahan perlu diatasi," katanya.



AMBRIN Buang

22. Ambrin beri keterangan kepada SPRM

PUTRAJAYA: Bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang hari ini dipanggil memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung dakwaan pindaan Laporan Akhir Pengauditan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau tiba di ibu pejabat SPRM di sini, kira-kira jam 3.15 petang tadi.

Semalam, Ketua Audit Negara, Tan Sri Dr Madinah Mohamad, mendedahkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengarahkan pindaan dibuat terhadap Laporan Akhir Pengauditan 1MDB kerana ia dianggap kerajaan sebagai satu krisis.

Madinah dilaporkan berkata, dalam mesyuarat pada 22 Februari 2016 di Pejabat Perdana Menteri, Najib mengarahkan pengguguran perenggan mengandungi dua versi Penyata Kewangan 1MDB bagi tahun berakhir 2014 dan mengarahkan siasatan dijalankan pihak penguat kuasa.

"Selain itu, perenggan berkaitan kehadiran ahli perniagaan yang sedang diburu pihak berkuasa, Low Taek Jho atau Jho Low, dalam mesyuarat Lembaga Pengarah 1MDB, turut diarah digugurkan pada penyediaan laporan akhir berkenaan.

"Pengguguran perenggan itu diarahkan bekas Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tan Sri Shukry Salleh, pada 26 Februari 2016, kepada bekas Pengarah Audit atas alasan ia sensitif dan untuk mengelak fakta diputar-belit pembangkang ketika itu," katanya.

SPRM, dalam satu kenyataan semalam turut berkata pihaknya sudah memulakan siasatan berkaitan dakwaan pindaan laporan itu dan akan memanggil beberapa saksi bagi memberi keterangan dan membantu siasatan berkaitan isu itu dalam tempoh terdekat.



TUN Dr Mahathir Mohamad

23. 1MDB: Saya sudah lama tahu pembabitan Goldman Sachs - Tun M

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sudah lama mengetahui pembabitan syarikat pelaburan Amerika Syarikat (AS), Goldman Sachs dalam urus niaga yang mengakibatkan kerugian terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Perdana Menteri berkata, tindakan Jabatan Kehakiman (DOJ) Amerika Syarikat (AS) mengemukakan tuntutan jenayah terhadap bekas eksekutif Goldman Sachs, Tim Leissner dan Pengarah Urusannya, Ng Chong Hwa, 51, atau dikenali sebagai Roger Ng serta Low Taek Jho yang terbabit kes rasuah dan pengubahan wang haram berkaitan 1MDB, mengesahkan perkara itu.

"Kita memang tahu perkara ini sudah lama, namun dia (Tim Leissner) mengaku dia benar walaupun sebenarnya dia salah.

"Apa yang dia salah, itu tindakan diambil oleh Amerika Syarikat kerana kesalahan dilakukannya di negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika ditanya mengenai tindakan yang dikenakan terhadap Tim Leissner dan pembabitan Goldman Sachs dalam skandal 1MDB..

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, Malaysia sedia mengekstradisi Roger Ng ke AS jika diminta berbuat demikian.

"Kesalahan yang terbabit dengan kita, kita akan ambil tindakan sama seperti rakan dia (Roger Ng) yang sudah ditahan di Malaysia, jika pihak AS minta diekstradisi, kita akan hantar ke AS," katanya.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, beliau tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai siapa yang sudah membida kapal layar mewah Equanimity.

"Saya tak dapat maklumat lagi, saya nak beli tapi tak cukup duit," katanya.



NAJIB Razak ketika hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

24. 1MDB: Pertikaian Mac 2015 mungkin ada asas - Najib

KUALA LUMPUR: Bukti ditunjukkan Pengurus Kumpulan Media The Edge, Datuk Tong Kooi Ong, berhubung kemelut 1Malaysia Development Berhad (1MDB), sekitar tiga tahun lalu tidak utuh kerana bersandarkan siri e-mel yang dicuri, malah pelakunya terbabit dalam tindakan peras ugut.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, ketika menjelaskan perkara itu berkata, pencuri e-mel PetroSaudi International Ltd (PetroSaudi) berkenaan kemudian disabitkan kesalahan di mahkamah Thailand dan berdepan tuduhan jenayah.

"PetroSaudi dimiliki oleh Tareq Obaid dan Putera Turki bin Abdullah yang pada ketika itu adalah anak ketujuh dan kesayangan Raja Abdullah serta memegang jawatan Gabenor Riyadh, iaitu wilayah paling besar di Arab Saudi dan ibu kota negara berkenaan.

"Pada masa itu, kami juga bertanya kepada PetroSaudi mengenai kesahihan segala dakwaan yang tersebar, namun jawapan melalui surat rasmi syarikat berkenaan menyatakan ia palsu dan GoodStar adalah dan sentiasa di bawah pemilikan PetroSaudi.

"Ketika itu, apa juga pembayaran dibuat kepada PetroSaudi dikembalikan berserta keuntungan dalam bentuk unit dana, malah ia dijamin Aabar Corporation dan dimiliki IPIC yang memiliki aset dua kali ganda lebih besar daripada Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

"Juruaudit yang juga antara empat syarikat audit terbesar di dunia bagi 1MDB mengesahkan kewujudan nilai unit jaminan Aabar," katanya menerusi kenyataan di Facebook rasminya, hari ini.

Ahli Parlimen Iskandar Puteri, Lim Kit Siang, hari ini membidas Najib susulan kegagalannya menjawab pendedahan Kooi Ong berhubung pertemuannya dengan bekas Menteri Kewangan itu pada Mac 2015 lalu sehingga berdepan tindakan punitif, sekali gus memberi asas untuk masyarakat mempercayainya.

Menjawab 'serangan' itu, Najib menjelaskan, peguam-peguam ternama seperti 'Wong and Partners' yang diupah 1MDB untuk menyediakan perjanjian dan meneliti transaksi 1MDB dengan pelbagai syarikat asing tidak pernah menyuarakan sebarang kepincangan.

Lanjutan pertemuan dengan Kooi Ong, Najib berkata, kerajaan melaksanakan perjanjian penyelesaian pada Jun 2015 dengan IPIC dan menukar unit dana berkenaan dengan syarikat berpangkalan di Abu Dhabi itu mengambil alih bon AS\$3.5 bilion.

"Saya sendiri menghubungi Putera Raja Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sheikh Mansour dan baginda segera membayar AS\$1 bilion kepada 1MDB sebagai memulakan proses terbabit, malah ketika itu tiada petunjuk bahawa jaminan unit atau jumlah dibayar 1MDB kepada Aabar-BVI adalah satu penipuan.

"Bagaimanapun, hanya pada penghujung 2015, IPIC mempertikai jaminan itu atau menafikannya sebagai pemilik Aabar dan ini terjadi selepas orang kuat Putera Raja UAE, Khadem Al Qubaisi, dipecat daripada jawatannya sebagai Pengarah Urusan IPIC.

"Selain perjanjian penyelesaian dengan IPIC, kerajaan memulakan siasatan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan pengauditan 1MDB. Inilah keadaan yang berlaku selepas Kooi Ong memberitahu saya pada Mac 2015," katanya.

Mengakui kemungkinan luahan pada Mac 2015 itu mempunyai asas, Najib bagaimanapun berkata ia bersandarkan dakwaan kakitangan dibelenggu rasa tidak puas hati, berbanding penjelasan dikemukakan Gabenor Riyadh, Putera Raja Arab Saudi, juruaudit antarabangsa dan pengurusan tertinggi Aabar.